

Kemalangan kenderaan berat meningkat dua peratus

PETALING JAYA – Kemalangan melibatkan kenderaan berat di Lebuh Raya Utara-Selatan pada tahun 2022 meningkat sebanyak dua peratus berbanding tahun 2019.

Ketua Pegawai Operasi PLUS Malaysia Berhad (PLUS), Datuk Zakaria Ahmad Zabidi berkata, kemalangan di lorong kecemasan membabitkan kenderaan rosak pula meningkat sebanyak lima

peratus.

“PLUS menyasarkan untuk mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan yang melibatkan semua jenis kenderaan di lebuh raya kendaliannya sebanyak tujuh peratus pada tahun 2023.

“Sasaran itu adalah selaras dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia untuk mengurangkan kematian akibat kemalangan

jalan raya sebanyak 50 peratus menjelang 2030,” katanya pada Mesyuarat Penyelarasan dan Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (PPU) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan PLUS di Akademi JPJ di Melaka baru-baru ini.

Zakaria berkata, bagi mencapai matlamat tersebut PLUS akan bekerjasama dengan JPJ dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menurut beliau, kerjasama berkenaan menyasarkan untuk mengurangkan kadar kemalangan melibatkan kenderaan berat, motosikal, kemalangan di lorong kecemasan dan kemalangan disebabkan oleh objek atau halangan di lebuh raya.

Terdahulu, beliau berkata, PLUS akan menggunakan data serta statistik yang lebih strategik bagi membantu mengurang-

kan jumlah kematian dan kemalangan di lebuh raya kendalian PLUS pada tahun 2023.

Menurutnya, data serta statistik tersebut akan turut dikongsikan bersama Rakan Keselamatan PLUS iaitu JPJ serta polis.

“Perkongsian itu dalam mengurangkan kemalangan yang membabitkan kenderaan berat dan motosikal,” jelasnya.